

**26/06/2014 - Majlis Penyerahan Kunci Kompleks Kediaman Kakitangan
Awam (KKKA) Brickfields**

Bismillahir rahmanir rahim;

Assalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh;

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia,

Yang Dihormati Saudara / Saudari

Pengacara Majlis,

YBhg. Datuk Othman Mahmood

Timbalan Ketua Setiausaha Kanan, Jabatan Perdana Menteri

YBhg. Datuk Seri Adnan Haji Md. Ikshan

Ketua Setiausaha

Kementerian Wilayah Persekutuan

YBhg. Tan Sri Mohamad Salim Fateh Din

Pengarah Urusan Kumpulan Malaysian Resources Corporation Berhad

YBhg. Jeneral (B) Tan Sri Dato' Seri Panglima Mohd Azumi Mohamed

Pengerusi Dhaya Maju Infrastructure Sendirian Berhad

YBhg. Tan Sri-Tan Sri, Dato'-Dato', Penghuni-Penghuni Kwarters, Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian,

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, saya memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan inayah-Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul pada pagi ini di Dewan Serbaguna Kompleks Kediaman Kakitangan Awam (KKKA), Brickfields. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan syabas

kepada Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri kerana sudi menjemput saya bagi menyempurnakan majlis penyerahan kunci kepada bakal penghuni-penghuni kuarters di Majlis Penyerahan Kunci Kompleks Kediaman Kakitangan Awam (KKKA) Brickfields pada hari ini.

2. Pada kesempatan ini, saya juga ingin mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah kepada Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang telah bertindak selaku Pengarah Projek serta tahniah juga kepada Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang telah bekerjasama dalam pembangunan projek kompleks kediaman bagi penjawat awam di Brickfields ini bersekali dengan projek *Little Indiadan Pines Bazaar*.
3. Tahniah juga saya ucapkan kepada Country Annexe Sdn Bhd (CASB) yang merupakan **syarikat gabungan antara Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) & Dhaya Maju Infrastructure Sdn. Bhd. (DMIA) kerana berjaya menyiapkan pembinaan kompleks kediaman penjawat awam ini dengan sempurna dalam tempoh yang ditetapkan.**

TUJUAN PEMBINAAN KOMPLEKS KEDIAMAN KAKITANGAN AWAM (KKKA) BRICKFIELDS

4. Sebagaimana yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, Kompleks Kediaman Kakitangan Awam (KKKA), Brickfields ini merupakan salah satu daripada kuarters yang dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan di atas tapak tanah kuarters Jalan Ang Seng lama. Pembinaan kuarters Kelas F ini bertujuan untuk memberi kemudahan kepada penjawat awam terutamanya daripada Kumpulan Pelaksana. Jelas di sini, Kerajaan sentiasa peka dan mengutamakan kebajikan penjawat awam terutamanya yang tinggal di bandar-bandar utama dan menghadapi kos sara hidup yang lebih tinggi. Pembangunan semula kuarters baru ini juga sebenarnya bertujuan untuk memberikan keselesaan kepada penghuni kuarters yang sebelum ini menghuni kuarters lama yang berada dalam keadaan uzur dan tidak lengkap kemudahannya. Ini adalah bagi membolehkan penjawat awam mengecapi taraf kehidupan yang lebih baik serta sejahtera.
5. Untuk makluman Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian, pembinaan kompleks kediaman ini seperti mana yang telah dijelaskan oleh YBhg. Datuk Othman Mahmood sebentar tadi, sememangnya lengkap dan selesa sepertimana perumahan-perumahan apartmen lain yang ada di Bandaraya Kuala Lumpur. Jika perumahan-perumahan lain di Kuala Lumpur, penghuninya perlu membayar pinjaman perumahan atau sewa dengan kadar harga yang tinggi mengikut harga pasaran dan ditambah pula caj penyelenggaraan bulanan. Berbeza keadaannya dengan kompleks kediaman kuarters yang mana penghuni hanya perlu membayar sewa pada kadar

harga yang jauh lebih rendah dari harga pasaran mengikut potongan elaun seperti yang telah ditetapkan serta kos penyelenggaraan bulanan ditanggung sepenuhnya oleh pihak Kerajaan. Justeru itu, kita sebagai penjawat awam perlulah bersyukur kerana telah diberi pelbagai kemudahan dan keistimewaan oleh pihak Kerajaan.

*INISIATIF KERAJAAN DALAM MEMBANTU MENGURANGKAN KOS SARA HIDUP
PENJAWAT AWAM*

Tuan-tuan, Puan-puan yang saya hormati sekalian

6. Sejak zaman pra Kemerdekaan lagi, kemudahan kuarters telah disediakan kepada sebahagian penjawat awam di Malaysia. Sebagai contoh, seawal tahun 1900, kuarters-kuarters telah dibina di sekitar Bandaraya Kuala Lumpur yang telah didiami oleh pegawai-pegawai British seperti kuarters di Jalan Belfield, Jalan Hose dan Jalan Bellamy. Pembinaan kuarters-kuarters dari kelas A sehingga kelas G yang dikendalikan oleh Bahagian Pengurusan Hartanah seterusnya berkembang di sekitar Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan Wilayah Persekutuan Labuan. Kemudiannya, apabila Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan telah berpindah dari Kuala Lumpur ke Putrajaya, lebih banyak kuarters dibina lagi bagi memenuhi keperluan dan kemudahan perumahan kepada penjawat awam pada waktu itu.
7. Selain itu, Kerajaan juga ada membina kuarters tambahan di Jalan Duta pada tahun 2004 dan Jalan U-Thant, Kuala Lumpur pada tahun 2006. Jumlah keseluruhan unit kuarters yang diuruskan oleh Bahagian Pengurusan Hartanah pada masa kini adalah sebanyak 26,649 unit. Dengan siapnya Kompleks Kediaman Kakitangan Awam Brickfields ini, maka terdapat tambahan sebanyak 212 unit kuarters lagi.
8. Untuk makluman hadirin sekalian, Kerajaan pada masa kini juga dalam usaha merealisasikan satu lagi **Pembangunan Semula Kuarters Ganti di Jalan Cochrane, Kuala Lumpur yang telah bermula pada 12 April 2013 dan projek tersebut dijangka siap pada tahun 2016. Pembinaan kuarters ini akan melibatkan sebanyak 896 unit kuarters Kelas G.**
9. Pembinaan kuarters-kuarters kerajaan ini merupakan langkah dan inisiatif berterusan Kerajaan dalam mengurangkan beban kos sara hidup yang ditanggung oleh penjawat awam terutamanya dari Kumpulan Pelaksana. Kerajaan juga akan meneruskan konsep turun padang supaya pegawai-pegawai Kerajaan dapat meneliti

dan melihat sendiri keperluan sebenar penjawat awam terutamanya dari aspek keperluan-keperluan asas.

INISIATIF LAIN KERAJAAN DALAM MENYEDIAKAN PERUMAHAN KEPADA PENJAWAT AWAM

10. Selain itu, Kerajaan juga sentiasa berusaha untuk membantu rakyat secara amnya dan penjawat awam secara khususnya untuk memiliki rumah sendiri melalui skim-skim seperti Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) dan Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M). Rumah-rumah yang ditawarkan adalah dengan kualiti yang baik pada harga yang mampu dimiliki oleh golongan berpendapatan sederhana dan rendah.

PERANAN PENGHUNI KUARTERS

Tuan-tuan, Puan-puan yang saya hormati sekalian,

11. Para penghuni kuarters yang akan menerima kunci dan berpindah masuk ke Kompleks Kediaman Kakitangan Awam Brickfields serba baru ini boleh dianggap sebagai golongan yang amat bertuah.
12. Sehubungan itu, besarlah harapan Kerajaan agar para penghuni kuarters dapat bersama-sama menjaga kompleks kediaman ini termasuk segala kemudahan-kemudahan yang disediakan dengan baik. Wujudkanlah satu komuniti yang bersatu padu dan sentiasa mengamalkan cara hidup yang sihat melalui pemikiran yang positif.
13. Selaku penjawat awam, kita perlu menjadi contoh dalam mewujudkan komuniti dan persekitaran kediaman yang terbaik. Patuhilah peraturan yang berkuatkuasa dan penuhi tanggungjawab masing-masing demi kesejahteraan semua pihak.
14. **Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan penghargaan saya kepada para hadirin yang sudi hadir pada hari ini. Juga setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri dan seluruh jawatankuasanya, di atas kerjasama yang diberikan dalam menganjurkan program ini. Saya amat berbangga dengan komitmen yang telah diberikan oleh semua pihak yang terlibat dan berharap semoga usaha murni ini akan berterusan di masa akan datang.**

**Sekian. Wabillaahi taufik walhidayah wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.**